

SOALAN NO: 325

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW

SOALAN:

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibü ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah pekerja Korea Utara yang bekerja di Sarawak dan juga Malaysia. Sejak bilakah pekerja Korea Utara dibenarkan bekerja di Malaysia dan dalam sektor manakah mereka dibenarkan bekerja.

PR-1341-T73596

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pada dasarnya penggajian pekerja dari Korea Utara tidak dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri Sarawak. Namun pengambilan pekerja dari Korea Utara telah dipertimbangkan berdasarkan "case to case basis" bagi majikan yang memerlukan pekerja berkepakaran khusus yang tidak dimiliki oleh pekerja tempatan atau pekerja tempatan tidak mencukupi untuk melaksanakan projek pembangunan tertentu, dan pada masa yang sama Kerajaan negeri Sarawak mempunyai kepentingan dalam projek berkenaan.

2. Pada ketika ini seramai seratus lima (105) orang pekerja dari Korea Utara sedang bekerja di Sarawak sejak tahun 2014. Mereka digaji oleh majikan yang telah diberikan Lesen Untuk Menggaji Pekerja Bukan Pemastautin di bawah seksyen 119 Ordinan Buruh Sarawak setelah permohonan majikan diluluskan oleh Jawatankuasa Lokalisasi bagi memenuhi keperluan tenaga kerja syarikat berkenaan. Kemasukkan pekerja-pekerja tersebut ditapis keselamatan oleh pihak Polis Diraja Malaysia dan kelulusan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh Jabatan Immigresen Malaysia Negeri Sarawak.

3. Majikan yang sedang menggaji pekerja dari Korea Utara di Sarawak adalah seperti berikut:-

Bil	Nama Majikan	Sektor	Jumlah dan Jawatan	Tempoh Penggajian	
				Mula	Tamat
1.	Si Lantek Resources Resources Sdn. Bhd., Sri Aman	Perlombongan arang batu	62 orang Senior Coal Miner	20 Mac 2014	10 Oktober 2016
2.	Soon Hup Construction Sdn. Bhd. Kuching	Pembinaan Emart Commercial Centre Kuching.	43 orang Pekerja mahir pertukangan pembinaan	30 Julai 2014	29 Julai 2016

4. Jabatan Tenaga Kerja Sarawak mengeluarkan Lesen Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin di bawah seksyen 119 Ordinan Buruh Sarawak dari tahun ke tahun berdasarkan prosedur kerja yang ditetapkan bagi penggajian pekerja bukan pemastautin di Sarawak hanya setelah permohonan majikan diluluskan oleh Jawatankuasa Lokalisasi Bagi Pekerja Bukan Pemastautin Yang Lain.